

Masalah Pembelajaran untuk Pelajar Pendidikan Khas: Dana dan Prasarana

Mohd Razimi bin Husin¹, Muhammad Farhan bin Suhaimi¹, Suhailah binti Md Hamil¹,
Nurul Natasha binti Azmi¹, Nurul Umaira Juliana binti Roslid¹, Nur Nabilah binti Zainal¹,
Nor Balqis binti Kamaruddin¹, Nur Izzufi binti Hamizi¹, Nurul Zulaikha binti Ismawi¹

¹ Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Article History

Received:
11.04.2020

Revised:
26.05.2020

Accepted:
05.06.2020

*Corresponding Author:

Mohd Razimi Husin
Email:
razimi@fpm.upsi.edu.my

Abstrak: Pendidikan Khas adalah program yang dirancang khusus untuk memenuhi pelbagai keperluan pelajar khas. Bagi pelajar pendidikan khas yang ditempatkan secara berasingan, teknik yang sesuai telah digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Sebagai tambahan kepada teknik pembelajaran yang sesuai, infrastruktur juga telah disediakan untuk memudahkan proses pembelajaran pelajar pendidikan khas ini. Infrastruktur adalah kemudahan yang disediakan untuk tujuan pembangunan. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kemudahan pendidikan khas untuk murid berkeperluan khas, untuk mengenal pasti prasarana pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi dan terkini untuk pelajar berkeperluan khas di SK Kuala Kubu Bharu, untuk mengenal pasti pembiayaan yang sesuai dan relevan untuk pelajar berkeperluan khas untuk tujuan pendidikan dan infrastruktur mereka, dan memahami pelaksanaan PPKI SK Kuala Kubu Bharu mengenai infrastruktur dan pembiayaan untuk murid berkeperluan khas. Kaedah kajian ini adalah temu bual separa berstruktur. Pelajar di sekolah pendidikan khas yang dikaji menghadapi masalah dengan infrastruktur yang mencukupi dan bertambah. Lagipun, infrastruktur adalah keadaan atau persekitaran yang perlu dipenuhi oleh setiap sekolah agar para pelajarnya dapat menggunakan kemudahan tersebut, terutamanya pelajar yang bersekolah itu adalah pelajar kurang upaya atau kurang upaya.

Kata Kunci: Pembelajaran, Murid, Pendidikan Khas, Dana, Prasarana.

Learning Problem for the Special Education Students: Funds and Infrastructure

Abstract: Special Education is a program designed specifically to meet the diverse needs of special students. For special education students who are placed separately, appropriate techniques have been used in the learning and teaching process. In addition to appropriate learning techniques, infrastructure has also been provided to facilitate the learning process of these special education students. Infrastructure is a facility provided for development purposes. The objectives of this study were to analyze special education facilities for students with special needs, to identify sufficient and current teaching and learning infrastructure for special needs students at SK Kuala Kubu Bharu, to identify appropriate and relevant funding for students with special needs for educational purposes and their infrastructure, and understand the implementation of SK Kuala Kubu Bharu's PPKI on infrastructure and funding for special needs students. The method of this study is semi-structured interviews. Students in the special education school studied are having problems with sufficient and increasing infrastructure. After all, infrastructure is a condition or environment that every school needs to meet in order for its students to be able to use the facilities, especially those students who attend the school are students with disabilities or disabilities.

Keyword: Learning, Students, Special Education, Funds, Infrastructure.



1. Pendahuluan

Pendidikan Khas merupakan satu program yang dirancang khusus untuk memenuhi pelbagai keperluan murid-murid khas. Pendidikan Khas di Malaysia telah bermula sejak awal tahun 1926 di kalangan sukarelawan yang membuka sekolah - sekolah untuk pelajar bermasalah atau kurang upaya penglihatan dan pendengaran [1]. Terdapat dua jenis program Pendidikan Khas yang telah dibangunkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu Sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Murid yang berada dalam kelas Pendidikan Khas kebiasaannya mempunyai ciri-ciri tertentu yang menghalang mereka daripada mengikuti pembelajaran seperti orang biasa termasuklah masalah penglihatan dan pendengaran. Hal ini akan memberi cabaran kepada para guru dalam menyampaikan ilmu yang telah diamanahkan. Namun, terdapat juga kemungkinan untuk pelajar yang mengikuti program Pendidikan Khas diletakkan bersama pelajar biasa.

Bagi pelajar Pendidikan Khas yang diletakkan secara berasingan pula, teknik yang bersesuaian telah digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Selain teknik pembelajaran yang sesuai, prasarana juga telah diperuntukan bagi memudahkan proses pembelajaran pelajar-pelajar Pendidikan Khas ini. Prasarana merupakan kemudahan yang telah disediakan bagi tujuan pembangunan. Contohnya, pihak kementerian Pendidikan akan menyediakan mesin braille kepada pelajar yang mempunyai masalah kesihatan. Objek kajian ini iaitu:

1. Menganalisis kemudahan Pendidikan Khas untuk murid-murid dengan keperluan khas.
2. Mengetahui prasarana pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi dan terkini bagi murid berkeperluan khas di SK Kuala Kubu Bharu.
3. Mengetahui dana yang sesuai dan relevan kepada setiap murid dengan keperluan khas bagi tujuan pendidikan dan prasarana mereka.
4. Memahami pelaksanaan yang dijalankan di PPKI SK Kuala Kubu Bharu tentang prasarana dan dana bagi murid berkeperluan khas.

2. Sorotan Kajian

Sorotan kajian daripada kajian yang dilakukan oleh kumpulan Pengkaji yang berkaitan dengan masalah pembelajaran murid Pendidikan Khas dari segi prasarana.

Kajian daripada Ismail [2] berkaitan dengan pengurusan Pendidikan Khas di Malaysia dan di Luar Negara. Di dalam kajian beliau ada menyatakan beberapa perkara yang berkaitan dengan masalah pembelajaran murid Pendidikan Khas dari segi prasarana iaitu peristiwa penting yang mempengaruhi perkembangan Pendidikan Khas iaitu dalam Deklarasi Hak-hak Kemanusiaan Sejagat pada tahun 1948 menegaskan hak bagi setiap individu mendapat pendidikan [3]. Perkara ini ditegaskan semula dalam Persidangan Dunia bertemakan “Pendidikan Untuk Semua” di Jomtien, Thailand yang menekankan: Keperluan-keperluan pembelajaran untuk orang kurang upaya menuntut perhatian khusus. Selain itu, langkah-langkah perlu diambil untuk menyediakan persamaan akses kepada pendidikan untuk semua kategori orang kurang upaya sebagai bahagian yang sepadu dalam sistem pendidikan.

Seterusnya, sorotan kajian daripada kajian Ida [4] isu-isu Pendidikan Khas. Isu –isu yang berkaitan dengan tajuk ialah isu kemudahan fizikal di negara kita yang seringkali timbul isu mengenai kemudahan bilik darjah adalah seperti keadaan kelas yang sempit, bahan kemudahan fizikal yang digunakan dan kedudukan ruang fizikal yang diguna pakai dalam sistem bilik darjah. Di samping itu, keadaan kelas yang sempit dan tidak selesa juga mengganggu proses pembelajaran dan pengajaran guru. Sepatutnya bilik dan kelas perlu dibina secara berasingan akan tetapi disebabkan kurangnya kemudahan kelas yang kosong maka satu bilik yang besar itu telah pun dipisahkan dengan hanya menggunakan papan lembut sebagai pembahagi bagi setiap kelas. Hal ini jelas tidak mampu mengawal kelantangan suara yang dilontarkan oleh guru ataupun murid di kelas yang bersebelahan. Akibatnya murid kelihatan terganggu dan terpingga untuk mendengar maklumat yang disampaikan oleh guru.

Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Pengkaji juga berkaitan dengan kos dalam memenuhi prasarana di sekolah. Oleh itu beberapa sorotan kajian yang mengenai isu yang dikaji oleh kumpulan Pengkaji ialah kajian Ida [4] yang menyatakan beberapa isu mengenai isu kewangan penyalahgunaan wang elaun yang diberikan kepada kanak-kanak berkeperluan khas ini oleh ibu bapa. Ada ibu bapa yang menggunakan wang elaun tersebut untuk urusan peribadi dan kemudahan keluarga masing-masing. Seharusnya perkara itu tidak harus berlaku dan perkara ini seharusnya menjadi

tanggungjawab ibu bapa sendiri untuk menjaga wang saku yang diberi oleh kerajaan dengan sebaiknya. Elaun yang hangat diperkatakan dalam dunia Pendidikan Khas juga ialah berkaitan dengan elaun khas yang diberikan oleh kerajaan kepada guru-guru Pendidikan Khas. Tujuan elaun ini diberikan adalah sebagai ganjaran kepada guru-guru Pendidikan Khas yang bersabar dan tabah menghadapi karenah murid-murid khas di sekolah. Namun elaun yg diberikan ini seringkali diambil oleh kesempatan oleh pihak tertentu. Misalnya wujud guru-guru aliran perdana yang memohon masuk ke aliran khas dengan bertujuan untuk mendapatkan elaun khas itu bagi kepentingan diri. Akibat daripada itu, maka akan wujudlah kurangnya kualiti dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang dikehendaki beliau.

Disebabkan itulah terdapat pengabaian terhadap murid-murid khas ini disebabkan oleh sikap guru yang sedemikian. Jelas di sini membuktikan bahawa pemberian elaun khas kepada guru juga boleh menyebabkan guru-guru bekerja semata-mata untuk mendapatkan elaun sahaja. Perkara yang berkaitan kewangan juga seringkali dikaitkan peruntukan yang diberikan kepada sekolah dalam menjayakan program di sekolah bagi membantu golongan kanak-kanak berkeperluan khas. Misalnya penggunaan terapi di sekolah masih lagi tidak meluas disebabkan kekurangan wang atau bajet untuk menampung tenaga pakar daripada ahli terapi yang berkebolehan. Disebabkan itulah murid-murid di sekolah terutama di luar bandar kurang memperoleh peluang untuk mengikuti mana-mana terapi kerana desakan wang atau pun peruntukan. Kemudahan yang tidak lengkap disebabkan kekurangan wang juga sering menghantui mana-mana sekolah yang mempunyai program integrasi di sekolahnya. Jika kita lihat di kebanyakan sekolah yang mempunyai program Pendidikan Khas, kebanyakannya mempunyai kemudahan fizikal yang asas sahaja. Keperluan fizikal yang berbentuk sampingan seperti bilik terapi dan kolam mini renang tidak dapat disediakan akibat bajet yang kurang dan tidak mencukupi.

Seterusnya, senarai kemudahan dan keistimewaan bagi orang kurang upaya dari Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU). Menurut kajian agensi kerajaan iaitu kementerian pelajaran menyediakan kemudahan pendidikan. Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah Bahagian Pendidikan Khas menyediakan kelas khas kepada kanak-kanak OKU penglihatan, pendengaran dan bermasalah pembelajaran [5]. Program pendidikan dilaksanakan melalui program Pendidikan Khas iaitu Sekolah Khas bagi murid bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran dan pembelajaran (menengah).

Program Pendidikan Khas Integrasi untuk murid-murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran, bermasalah pendengaran dan bermasalah penglihatan. Program ini diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah dan sekolah menengah teknik/vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif. Selain itu, elaun RM 150.00 sebulan pelajar sekolah rendah dan menengah bagi pelajar kurang upaya di sekolah rendah dan menengah mereka diberi elaun sebanyak RM 150.00 sebulan. Seterusnya, bajet 2005 memperluaskan lagi pemberian elaun ini kepada setiap kanak-kanak kurang upaya yang di Sekolah Khas kelolaan Pertubuhan Sukarela Kebajikan.

Kesimpulannya, sorotan kajian ini terdapat banyak berkaitan dengan isu-isu kemudahan yang disediakan serta isu-isu kewangan yang menjadi isu dalam menyediakan kemudahan kepada pelajar OKU yang memerlukan prasarana untuk mencukupi keselesaan.

3. Kaedah Kajian

Kaedah yang pengkaji gunakan dalam menyiapkan kajian ini adalah kaedah temubual semi-struktur. Temubual semi-struktur bermaksud ianya meliputi temubual berstruktur dan tidak berstruktur. Soalan sudah dirangka sebelum temubual diadakan, tetapi semasa menemu bual guru tersebut, pengkaji menanyakan soalan lain sebagai tambahan.

4. Dapatan Kajian

Pengkaji dapat melihat dan mendapat hasil dapatan kajian daripada kaedah kajian yang dilakukan antaranya ialah melalui temubual. Temubual yang telah dilakukan merangkumi soalan-soalan tentang tajuk pengkaji iaitu "Masalah pembelajaran murid Pendidikan Khas dari segi prasarana".

Kemudahan prasaranan seperti kelas yang sekolah sediakan adalah mencukupi. Itu dari segi PdPC, tetapi dari segi keperluan yang lain masih lagi belum mencukupi. Sebagai contoh alat bantu mengajar yang lebih lengkap dan sesuai untuk semua. Keperluan yang lebih sempurna untuk pelajar mengikut masalah mereka. Justeru, keperluan ini bukan sekolah tidak mampu beri tetapi sekolah juga

mempunyai masalah apabila tibanya soal tentang kos dan ini hanya mampu diselesaikan dengan sumbangan ataupun kertas kerja.

Selain itu, antara cara bagi mengatasi ketidakcukupan dana dan prasarana ialah dengan membuat kertas kerja untuk memohon sumbangan dari yb dan wakil rakyat untuk menampung sesuatu pembinaan atau sesuatu keperluan untuk sesebuah sekolah itu. Menurut guru tersebut lagi bukan sahaja mengharapkan wang sumbangan sahaja unit Pendidikan Khas sekolah tersebut juga mengambil inisiatif dengan mengadakan minggu PPKI dan minggu hari kantin dengan menjual makanan dan minuman yang dihasilkan oleh pelajar Pendidikan Khas itu sendiri dengan guru-guru. Kemudian, mereka juga akan menjual jus mulberi dimana terdapat 45 pokok mulberi yang telah ditanam dan diusahakan oleh mereka bagi menjana pendapatan bagi menampung kos-kos yang ada. Selain dari menjual di hari kantin mengadakan minggu PPKI mereka juga menjual pada masa hari anugerah, SK Kuala Kubu Bharu juga menjual cenderamata dan membuat jualan gambar

Disamping itu juga mengenai kos keperluan prasarana yang diperlukan oleh sesebuah sekolah itu. Menurut guru tersebut anggaran dalam lebih kurang 20k tetapi bergantung kepada apa yang telah kerajaan sediakan bagi memenuhi keperluan prasarana sekolah yang diinginkan. Keperluan yang dimohon perlu melalui pelbagai proses dan peringkat sehingga mampu diluluskan. Kebanyakan prasarana yang dimohon bukan kesemuanya kerajaan akan luluskan ikut juga kepada keperluan dan sekolah tersebut. Sekolah ini bukanlah tidak mengharapkan sumbangan semata-mata tetapi mereka menggunakan inisiatif dengan menjana pendapatan dengan menjual mulberi untuk menampung kos yang sedia ada.

Cabaran guru menyediakan prasarana kepada pelajar Pendidikan Khas ialah membuat kertas kerja. Membuat kertas kerja bagi memohon atau meminta sumbangan wang dan prasarana yang diperlukan adalah satu kerja yang perlu memakan masa yang lama. Tetapi ianya adalah satu tanggungjawab guru untuk memberi keselesaan yang diperlukan oleh setiap pelajar Pendidikan Khas. Ini kerana tidak semua pelajar Pendidikan Khas yang mempunyai masalah yang sama.

Faktor yang lain ialah cara penjagaan prasarana-prasarana untuk pelajar Pendidikan Khas di sekolah SK Kuala Kubu Bharu. Guru tersebut memberi penerangan mengenai bagaimana memberitahu kepada pelajar arus perdana tentang keperluan yang disediakan tersebut untuk siapa seperti contoh tandas OKU yang disediakan dan digunakan oleh pelajar Pendidikan Khas. Cara lain ialah dengan membuat pemantauan yang di lakukan oleh pihak sekolah terhadap prasarana pelajar Pendidikan Khas untuk memastikan ia digunakan dengan betul. Bukan itu sahaja tanggungjawab juga diberikan sama rata kepada semua untuk memastikan kemudahan itu dijaga dengan baik. Peralatan pdpc untuk pelajar Pendidikan Khas sentiasa dijaga dan dipastikan digunakan oleh pelajar yang memerlukan sahaja supaya tidak berlaku kerosakan.

Kemahiran guru dalam menguruskan prasarana tidak diberikan sepenuhnya kepada guru Pendidikan Khas itu sahaja ini kerana ada diantara guru yang mengajar disitu adalah kebanyakannya adalah guru daripada khusus lain. Menurut guru yang ditemubual tersebut setakat ini, baru ada seorang guru "option" untuk pelajar bermasalah penglihatan sahaja yang ada di sekolah tersebut. Guru-guru tidak didedahkan dengan kemahiran yang diperlukan untuk mengajar pelajar berkeperluan khas antaranya pelajar masalah pendengaran dan penglihatan.

Dari segi tahap keberkesanan prasarana yang disediakan dan yang telah dibekalkan sangat membantu dalam proses pembelajaran dan pengajaran guru dan pelajar itu sendiri. Prasarana yang disediakan sangat memberi makna kepada semua yang terlibat dalam memanfaatkannya walaupun kurang dari segi kuantiti. Contohnya, mesin braille yang dibekalkan walaupun sedikit tetapi dapat membantu pelajar yang bermasalah dalam penglihatan dalam menaip. Malahan juga boleh memberi pengetahuan lain kepada pelajar masalah pekak bisu juga mampu belajar menggunakan mesin tersebut.

Perbezaan prasarana untuk pelajar arus perdana dengan pelajar Pendidikan Khas menunjukkan banyak perbezaannya. Ini dapat dilihat daripada prasarana yang ada disekolah campur iaitu contohnya tandas. Tandas untuk pelajar Pendidikan Khas lebih banyak kemudahan seperti tempat pemegang, railing dan sebagainya. Kemudahan lain seperti tempat peperiksaan pelajar pendidikan khas dimana tidak sama dengan pelajar arus perdana. Mereka di letak kan di bilik khas dengan adanya penjaga bagi menjaga mereka sekiranya berlaku apa-apa.

4.1. Kategori Murid Berkeperluan Khas

Merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan Pendidikan Khas 2013, murid berkeperluan Pendidikan Khas ertinya kanak-kanak yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal dan masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan dan masalah yang telah dinyatakan [6].

Manakala Buku Garis Panduan Pendaftaran OKU, JKM yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2014 menyenaraikan tujuh kategori OKU yang boleh dipertimbangkan bagi tujuan pendaftaran OKU oleh JKM iaitu seperti berikut:

1. Kurang Upaya Pendengaran
2. Kurang Upaya Penglihatan
3. Kurang Upaya Pertuturan
4. Kurang Upaya Fizikal
5. Masalah Pembelajaran
6. Kurang Upaya Mental dan
7. Pelbagai (*Multiple Disabilities*)

Justeru dalam konteks Pendidikan Khas, diuraikan beberapa kategori MBK sebagai panduan untuk masyarakat lebih mengenali rupa bentuk fizikal, memahami tingkah laku dan mengetahui keperluan mereka. Kategori MBK dibentangkan pada Jadual 1.

Jadual 1. Kategori MBK

Paras ID	IQ	Persamaan Umur mental sebagai orang dewasa	Kemahiran
Ringan	50-69	9-12 tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran lambat dikuasai • Penjagaan diri sendiri di rumah • Kesukaran dalam tugas akademik – membaca, matematik • Kerja manual tidak mahir atau separa mahir • Boleh hidup berdikari dengan sokongan minimum
Sederhana	35-49	6-9 tahun	Lambat menguasai bahasa, tetapi selalunya menguasai pertuturan penting secukupnya. Sebagai orang dewasa memerlukan sedikit sokongan komuniti – contohnya tinggal berkumpulan. Mungkin boleh membaca tetapi dengan kesukaran.
Serius	20-34	3-6 tahun	Bantuan harian diperlukan bagi penjagaan diri dan pengawasan keselamatan.
Amat serius	<20	< 3 tahun	Penjagaan berterusan diperlukan, penjagaan diri sangat terbatas, kontinens (<i>continence</i>), komunikasi dan mobiliti yang amat terbatas.

4.1.1. MBK Bermasalah Pendengaran

Murid-murid bermasalah pendengaran sering kali disalahtafsirkan oleh masyarakat dengan menganggap mereka sebagai pekak dan bisu. Pada hakikatnya mereka masih ada sisa-sisa pendengaran dan hanya kehilangan pendengaran yang menyebabkan mereka tidak dapat mendengar secara normal.

Masalah pendengaran dapat dibahagikan kepada empat tahap pendengaran berdasarkan tahap desibel (dB) iaitu Ringan (15-30 dB), Sederhana (30-60 dB), Teruk (60-90 dB) dan Sangat Teruk (90 dB ke atas). Murid bermasalah pendengaran dapat dikenal pasti melalui alat bantu yang digunakan dan tingkah laku mereka semasa berkomunikasi seperti berikut:

1. Memakai alat bantu pendengaran (ABP)
2. Memakai pacakan koklea

3. Sukar untuk mendengar
4. Butir-butir sebutan kurang jelas dan janggal
5. Bercakap tetapi hanya mengeluarkan bunyi atau bahasa yang tidak difahami
6. Menggunakan bahasa isyarat

4.1.2. MBK Bermasalah Penglihatan

Murid-murid bermasalah penglihatan memerlukan banyak kemudahan prasarana dan alat bantu belajar sebagai sokongan pada mobiliti dan keselesaan pembelajaran mereka. Antara fasiliti dan alat bantu yang perlu disediakan ialah susur tangan, permukaan bertekstur, tongkat putih, brailleur serta kanta pembesar.

Terdapat dua kategori utama bagi masalah penglihatan iaitu tidak dapat melihat atau buta yang mempunyai penglihatan kurang daripada 3/60 pada mata terbaik dan penglihatan terhad atau rabun yang mempunyai penglihatan kurang dari 6/18 sehingga persepsi cahaya pada mata yang terbaik. Murid-murid bermasalah penglihatan dikenal pasti berdasarkan pada rupa dan alatan bantu yang digunakan seperti berikut:

1. Rupa
2. Bebola mata yang selalu berputar-putar
3. Mata yang selalu bergerak-gerak
4. Bintik-bintik putih pada pupil
5. Tiada anak mata
6. Juling
7. Memegang bahan bacaan terlalu dekat dengan muka ataupun pada sudut berlainan
8. Menggunakan braille dan kanta pembesar untuk membaca
9. Menggunakan tongkat putih untuk mobiliti

4.1.3. Palsi Sereberum

Murid-murid Palsi Sereberum (Cerebral Palsy) lebih dikenali dengan panggilan CP oleh guru. Istilah sereberum adalah berkaitan dengan otak manakala palsi pula merujuk kepada gangguan terhadap pergerakan ataupun postur. Kecederaan yang berlaku pada bahagian otak tertentu akan menyebabkan bahagian berkenaan gagal berfungsi secara normal. Ini kerana tugas otak adalah untuk memberitahu tubuh tentang perkara dan masa sesuatu perbuatan atau pergerakan perlu dilakukan.

Murid-murid CP mudah dikenal pasti melalui bentuk fizikal, alat bantu yang digunakan dan kelainan dalam pergerakan mereka seperti berikut:

1. Berkerusi roda
2. Menggunakan topang ketiak atau tongkat
3. Gangguan dalam mobility
4. Terdapat anggota badan yang tidak sama padanannya
5. Motor kasar dan motor halus yang lemah

4.1.4. Autisme

Murid-murid autisme kebiasaannya menguji tahap kesabaran dan kebijaksanaan guru untuk mendidik mereka. Mereka sering berada di dalam dunia mereka sendiri dan kelihatan seperti tidak cakna, tidak memberi tumpuan serta perhatian semasa guru mengajar. Nampu begitu, mereka mampu menjawab dengan tepat soalan-soalan yang dikemukakan guru secara lisan mahupun tulisan. Ini menunjukkan bahawa mereka bukanlah bodoh atau salah, cuma otak mereka berfungsi dengan cara berbeza dan tidak bertindak sama seperti orang lain sepanjang masa. Mereka mudah dikenali melalui tingkah laku seperti berikut:

1. Sukar untuk mendapat kawan kerana mereka lemah dalam bersosial dan berinteraksi.
2. Sukar untuk meluahkan perasaan, bertutur dan memahami pertuturan orang lain.
3. Tiada hubungan mata.
4. Tidak suka disentuh dan berpaut pada orang lain
5. Ekolalia

4.1.5. Sindrom Down

Mendidik murid-murid sindrom down memerlukan seseorang guru itu bermain dengan emosi bagi menangani tingkah laku mereka. Mereka mudah mesra dan manja tetapi beremosi. Sindrom down

dikaitkan dengan kromosom yang abnormal. Mereka mempunyai 47 kromosom iaitu lebih satu kromosom berbanding kromosom individu normal. Kromosom ialah bahagian halus tubuh yang mengawal perkembangan dan tumbesaran setiap bahagian tubuh. Murid-murid sindrom down mudah dikenali melalui bentuk fizikal anggota badan dan tingkah laku.

Mempunyai paras rupa yang hampir sama iaitu berwajah leper tidak bulat, bermata sepet, kemek pada pangkal hidung, jarak di antara dua mata jauh, saiz lidah yang tebal, kasar dan pendek serta berleher agak pendek.

Kebiasaannya tapak tangan mereka hanya terdapat satu garisan urat dinamakan "Simian Crease". Manakala jari dan tangan mereka adalah lebar dan pendek serta berbonggol. Kanak-kanak sindrom down juga berbadan gempal, rendah dan agak bongkok.

4.1.6. Disleksia

Agak sukar untuk mengenal pasti murid-murid disleksia kerana bentuk fizikal dan tingkah laku mereka kelihatan sama seperti murid-murid normal. Disleksia dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu disleksia visual, disleksia audiotori dan disleksia visual-audiotori. Walaupun dapat melihat dan mendengar dengan baik tetapi mereka mempunyai kesukaran untuk membeza, menginterpretasi, mengingat, mendiskriminasi dan mengenal pasti apa yang dilihat serta didengar. Mereka boleh dikenal pasti berdasarkan perkara-perkara berikut:

1. Perkembangan pertuturan dan bahasa yang lambat
2. Sukar membaca, mengeja dan mengira
3. Tidak suka membaca dengan kuat kerana bimbang ditertawakan
4. Nampak nombor dan huruf kelihatan terbalik
5. Mencampur-aduk perkataan yang berbunyi sama
6. Sukar mengikut arahan

4.1.7. Masalah Pertuturan

Murid-murid bermasalah pertuturan melibatkan pelbagai kategori MBK seperti bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran (sindrom down, autisme, palsy sereberum, disleksia, lembam dan sebagainya). Kesukaran dalam berkomunikasi telah melambatkan proses pembelajaran murid dan menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran. Gangguan atau halangan dalam komunikasi juga boleh mempengaruhi emosi dan psikologi murid. Mereka boleh dikenal pasti berdasarkan interaksi secara lisan seperti berikut:

1. Cuba berkomunikasi secara lisan tetapi gagal mengeluarkan suara atau bahasa pertuturan yang tidak difahami
2. Pertuturan mereka kendengaran janggal
3. Meninggalkan suku kata, pelat dan sengau bila bercakap
4. Gagap
5. Pengawalan suara yang lemah. Suara yang dikeluarkan pula lembut, garau dan kasar.
6. Kesukaran dalam penggunaan perkataan dengan yang tepat dan mempunyai masalah kefahaman.

Melalui kategori yang telah disenaraikan diatas adalah antara masalah pelajar Pendidikan Khas yang ada beberapanya ada di SK Kuala Kubu Bharu. Daripada temubual yang dijalankan dengan menggunakan soalan-soalan tersebut pengkaji dapat mengetahui perbezaan bagi kemudahan yang diperlukan pelajar Pendidikan Khas ini mengikut keupayaan dan masalah pelajar itu sendiri juga.

Mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang OKU khususnya MBK dan hak-hak mereka akan dapat memberikan kehidupan yang lebih bermakna kepada golongan berkenaan. Ini kerana MBK adalah berbeza daripada murid-murid biasa dari pelbagai aspek. Misalnya berbeza dari segi ciri-ciri bentuk fizikal, keupayaan intelek atau mental, keupayaan komunikasi dan tingkah laku sosial.

Perbezaan-perbezaan ini memerlukan modifikasi pada aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah bagi membolehkan mereka belajar mengikut tahap kemampuan masing-masing seperti mengubah suai kurikulum dan kemudahan asas. Begitu juga dengan prasarana dan kemudahan awam yang mesra OKU perlu diperluaskan lagi bagi menggalakkan kehadiran penyertaan OKU dalam pelbagai aktiviti produktif masyarakat. Jenis kecacatan pada OKU dibentangkan pada Jadual 2.

Jadual 2. Jenis Kecamatan pada OKU

JENIS KECACATAN	FIZIKAL	GANGGUAN KECACATAN
1. Fizikal	Kecederaan otak , traumatik dan kecederaan tulang belakang.	• Cerebral Palsy • Kekejangan otot
2. Gangguan Kecamatan sensori	Kekejangan otot , kebutaan , dan Cerebral Palsy	• kekejangan otot dan asma pekak
3. Komunikasi	Apraxia dan kecederaan traumatik	• Apraxia dan diabetes
4. Kognitif	Mental dan Spina Bifida	• Masalah pembelajaran dan asma
5. Psikososial	Gangguan tingkah laku	•Gangguan tingkah laku dan asma

5. Perbincangan

Kemudahan fizikal seperti bilik darjah, makmal, bilik khas dan kemudahan lain serta persekitaran sekolah yang kondusif adalah keperluan paling asas bagi menyediakan peluang pembelajaran optimum kepada semua pelajar termasuk untuk pelajar PK. Melalui pendidikan yang sempurna, pelajar-pelajar PK boleh dilatih untuk berdikari di samping memperkembangkan potensi mereka. Sistem pendidikan di negara kita kini telah diubah suai selaras dengan hasrat negara yang terkandung dalam Wawasan 2020. Ianya menjadi sasaran utama negara untuk menjadi sebuah negara maju yang mementingkan pembangunan insan selaras dengan pendidikan bersepadu yang digunakan.

Menurut Eleweke [7], bilik darjah yang mempunyai ruang yang terhad akan mengakibatkan sama ada kanak-kanak perlu belajar di ruang yang terbuka atau terpaksa berkongsi sehingga empat atau lebih bilik darjah. Masalah ini bukan sahaja mengganggu keselesaan pelajar kerana bilangannya yang ramai malah bilik darjah selalunya berada di dalam keadaan yang perlu selalu diperbaiki. Sebagaimana yang diperkatakan oleh guru tersebut “seperti yang awak lihat bilik yang ada disini agak sempit untuk memuatkan sejumlah pelajar dan agak tidak selesa. Setakat ini sekolah sediakan adalah mencukupi, itu untuk PDPC tetapi keperluan yang lain masih belum mencukupi.”

Pernyataan ini disokong oleh beberapa responden di sekolah kebangsaan di sekitar negeri Selangor (masalah pembelajaran), mengatakan bahawa bilik darjah di sekolah mereka mempunyai ruang yang terhad kerana saiz bilik darjah untuk aliran perdana terpaksa dipecahkan kepada empat bilik darjah Pendidikan Khas. Mereka juga menyatakan bahawa sesetengah sekolah mempunyai peruntukan kewangan yang tidak mencukupi dan kesan daripada pengubahsuaian bilik darjah Pendidikan Khas yang sempit ini secara tidak langsung mengganggu tumpuan dan fokus pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain ketiadaan bilik darjah yang benar-benar sesuai dengan ketidakupayaan para pelajar Pendidikan Khas, bilik-bilik lain yang digunakan untuk membantu perkembangan dan pengurusan diri juga tidak disediakan, seperti bilik untuk mata pelajaran pengurusan diri, bilik akses sendiri, bilik pendidikan moral dan sebagainya. Analisis data juga menunjukkan kedudukan tandas bagi pelajar-pelajar Pendidikan Khas tidak bersesuaian dengan keadaannya yang jauh dari bilik darjah, sinki terlalu tinggi dan juga tiada laluan berkerusi roda khusus bagi mereka yang kurang upaya. Dari segi Bahan Bantu Mengajar (BBM) pula, responden menyatakan bahawa ianya masih tidak mencukupi terutama sekali yang berbentuk bahan ICT terkini. Penggunaan BBM merupakan satu cara untuk meningkatkan kejayaan dan pencapaian bagi pelajar-pelajar Pendidikan Khas, kerana tanpa bahan-

bahan ini, proses pengajaran dan pembelajaran akan kurang efektif dan kualiti akademik akan menurun.

Seharusnya pihak yang bertanggungjawab perlu memastikan peralatan dan keperluan pelajar mencukupi bagi mengelakkan proses pengajaran dan pembelajaran terganggu seperti yang terdapat di sekolah yang masih kekurangan kerusi dan meja. Sebagaimana yang diperkatakan oleh guru disini “Kos yang diperlukan adalah berdasarkan apa yang kerajaan sediakan.” Selain itu guru tersebut menyatakan “apabila kita membuat kertas kerja kepada kementerian, untuk memohon dana, kalau mengikut kementerian mereka mengutamakan sekolah yang lebih memerlukan mengikut peruntukan yang kementerian ada. Kementerian dan jabatan juga memikirkan sekolah mana yang lebih kritikal.”

Masalah lain yang perlu dititikberatkan adalah dari segi kekurangan kelengkapan ICT dan makmal komputer di beberapa buah sekolah. Sejarar dengan dunia yang serba canggih ini, ICT merupakan salah satu alat bantu mengajar yang menjadi keperluan bagi setiap sekolah. Sebagai contoh di dalam kajian Campbell et al. [8], kanak-kanak dilatih untuk menggunakan alat bantu komunikasi suara selari dengan konteks kanak-kanak khas pra sekolah semasa di dalam bilik darjah. Infrastruktur multimedia juga memainkan peranan semasa proses pengajaran dan pembelajaran kerana pelajar Pendidikan Khas ini mempunyai minat yang sama seperti pelajar biasa dimana mereka mudah tertarik dengan bahan-bahan pembelajaran yang bersifat interaktif. Campbell et al. [8] juga menyatakan bahawa, perisian komputer memberikan kemahiran mempelajari program yang mencakupi pelbagai aspek.

Aspek keselamatan adalah penting kepada pelajar-pelajar Pendidikan Khas. Mereka perlu sentiasa diberi perhatian seperti menyediakan bilik darjah yang terletak di aras bawah dan berdekatan dengan tandas khas [9]. Menurut Goldsmith & Goldsmith [10], kanak-kanak yang berkeperluan khas perlu berasa selesa, selamat dan terkawal bagi menerima pelajaran. Justeru itu, ia penting untuk mewujudkan kesinambungan dalam persekitaran bagi membolehkan kanak-kanak khas memberi makna terhadap dunia sekitar mereka dan membentuk konsep tempat mereka. Menurut apa yang dijelaskan oleh guru tersebut “keperluan seperti tandas, kita kene sediakan tandas untuk murid-murid OKU, jadi kalau masalah penglihatan tu, lebih lagi perincian dia, apa yang diperlukan. Murid buta memerlukan ‘railing’ untuk pergerakan agar lebih selamat dan untuk mereka berasa selesa.”

6. Kesimpulan

Sebagai penutup bagi kajian yang dikaji ini, antara teori yang menjadi pilihan dan bersesuaian ialah Teori Gaya Pembelajaran yang terdiri daripada empat teori kecil iaitu Teori Gaya Pembelajaran Kolb, Teori Gaya Pembelajaran Dunn & Dunn, Teori Gaya Pembelajaran Greogore dan Gaya Pembelajaran Murnford & Honey. Namun begitu, antara keempat-empat teori tersebut, Teori Gaya Pembelajaran Dunn & Dunn diambil dan ditekankan berdasarkan tajuk kajian yang mengkhususkan terhadap prasarana. Dalam teori tersebut menyatakan bahawa gaya pembelajaran sebagai satu cara elemen daripada lima rangsangan iaitu persekitaran, emosi, sosial, fisiologi dan psikologi yang boleh memberi kesan kepada keupayaan individu itu memahami sesuatu, berinteraksi dan bertindak balas terhadap persekitaran pembelajarannya.

Berdasarkan pada teori tersebut, dapatlah dikaitkan dengan kajian yang dikaji yang mana salah satu elemen daripada lima rangsangan iaitu persekitaran memberi impak kepada keupayaan seseorang untuk lebih memahami setiap perkara, dapat berkomunikasi dengan orang lain dan juga dapat melakukan tindak balas. Dalam hal ini, pelajar di sekolah Pendidikan Khas yang dikaji mengalami permasalahan dalam mencukupi dan menambahkan jumlah prasarana. Jikalau diambil kira, prasarana adalah keadaan atau persekitaran yang perlu dipenuhi oleh setiap sekolah agar pelajar-pelajarnya dapat menggunakan kemudahan tersebut, lebih-lebih lagi pelajar yang bersekolah di situ adalah pelajar yang kurang upaya atau kurang kemampuan. Jadi, kebutuhan dan penggunaan peralatan-peralatan yang khusus untuk mereka sangat terhad terutamanya dengan bilangan pelajar yang tidak seimbang dengan bilangan peralatan pembelajaran mereka.

Oleh sebab itulah, pihak sekolah mengambil pelbagai inisiatif untuk menampung segala keperluannya. Sebagai contoh, meminta pertolongan daripada pihak wakil rakyat dan kementerian serta mengusahakan ladang buah mulberi yang mana buah tersebut akan dijual kepada orang-orang terdekat sahaja. Namun begitu, apabila hasil tanaman tumbuh berlebihan, barulah hasil tersebut dijual kepada orang ramai. Aktiviti-aktiviti ini dilakukan bagi mengumpul dana membeli alat bantu pelajar yang khas untuk mereka. Dalam kajian tersebut, dapat diceritakan bahawa sesungguhnya sekolah tersebut masih memerlukan pertolongan tidak kira dari segi wang ringgit atau mendermakan peralatan

pembelajaran mereka supaya bantuna ini sedikit sebanyak dapat memberi kemudahan dan keupayaan mereka untuk terus belajar serta dapat bertindak balas secara kondusif terhadap pembelajarannya.

Rujukan

- [1] M. N. Ghafar and J. Sanisah, *Bias Pengajaran Guru dalam Pelajaran Khas dan Pelajaran Normal*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia, 2016.
- [2] A. R. Ismail, "Pengurusan Pendidikan Khas di Malaysia di Luar Negara," *Scribd*. 2018. [Online]. Available: <https://www.scribd.com/doc/22848672/>. [Accessed: December, 2019].
- [3] A. Saiful, *Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid-Murid Berkeperluan Khas di Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, 2017.
- [4] Ida, R, *Isu-isu Pendidikan Khas*, *Slideshare*. 2013. [Online]. Available: <https://https://khas/www.slideshare.net/rosidaida9/isu-isu-pendidikan->. [Accessed: December, 2019].
- [5] N. Salleh, A. Aliza, and M. J. Zalizan, *Sejarah Pendidikan Khas Di Malaysia: Pendidikan Khas Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Konsep dan Amalan*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM, 2009.
- [6] Jabatan Peguam Negara, *Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013*. Putrajaya: Attorney General Chambers of Malaysia, 2013.
- [7] C. J. Eleweke, "A Review of Issues in Deaf Education under Nigeria's 6-3-3-4 Education System," *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, vol. 7, no. 1, pp. 74–82, 2002.
- [8] P. H. Campbell, S. Milbourne, L. M. Dugan, and M. J. Wilcox, "A Review of Evidence on Practices for Teaching Young Children to Use Assistive Technology Devices," *Topics in Early Childhood Special Education*, vol. 26, no. 1, pp. 3–13, 2006.
- [9] M. H. M. Yasin, T. Hasnah, M. T. Mohd, B. Safani, N. N. I. Siti, and Z. Rozniza, "Bilik Darjah Pendidikan Khas pada Masa Kini dan Kekangannya terhadap Proses Pengajaran," *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, vol. 28, pp. 1-9.
- [10] J. Goldsmith and L. Goldsmith, "Physical Management," in *Lacey, P. (Ed.), People with Profound and Multiple Learning Disabilities: A Collaborative Approach to Meeting Complex Needs*. London: David Fulton Publishers, 1998.